



LAPORAN QURBAN RELIEF 2025



www.global-ehsan-relief.org.my

ISI KANDUNGAN

01 Pengenalan

Korban bersama Global Ehsan Relief

03 Kepentingan Ibadah Korban

Proses, Sasaran dan Manfaat

04 Proses Korban

Proses Pemilihan dan Pengagihan

05 Manfaat Daripada Korban Anda

Asia, Afrika dan Timur Tengah

14 Pakej Qurban Relief

Korban untuk Anak Yatim & Pelarian, Daging Beku, Korban Sunnah Nabi, Korban buat Gaza, Korban Istimewa

24 Testimoni

Misi Pelaksanaan dan Pengagihan Korban

Korban yang disalurkan sempena Aidiladha tahun ini telah memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan.

Terima kasih atas sokongan anda terhadap pelaksanaan kempen Qurban Relief 2025 di 33 buah negara.

PENGENALAN GLOBAL EHSAN RELIEF

Sambutan Hari Raya Aidiladha merupakan sebuah kesempatan untuk menangani isu krisis kelaparan yang semakin meruncing dengan mengagihkan daging yang berkhasiat kepada golongan memerlukan. Bagi mereka, Aidiladha adalah satu-satunya peluang menikmati daging sebagai sumber nutrisi penting.

Kempen Qurban Relief oleh Global Ehsan Relief bertujuan menyalurkan bantuan asas kepada komuniti yang memerlukan, sambil membantu para penyumbang menunaikan ibadah Qurban, iaitu sunnah muakkadah. Tahun ini, kempen ini diperluas ke 33 buah negara melalui penyediaan pakej Qurban Relief seperti berikut:

Korban untuk Anak Yatim

Daging korban segar disampaikan kepada anak-anak yatim di Aceh dan Sri Lanka.

Korban untuk Pelarian

Agihan daging korban segar dilaksanakan untuk pelarian Syria, Palestin dan Rohingya.

Korban Sunnah Nabi

Usaha ini digerakkan bagi menggalakkan lebih ramai umat Islam menyahut seruan sunnah Nabi SAW dalam melaksanakan ibadah korban.

Korban untuk Gaza

Bagi memastikan bekalan protein berpanjangan, daging korban diagihkan dalam bentuk daging tin dan daging beku kepada penduduk Gaza.

Alhamdulillah, Qurban Relief 2025 telah pun melabuhkan tirainya. Berkat korban anda, saudara kita di negara bergolak dan serba kekurangan telah merasai nikmat Aidiladha yang sebenar.

Pihak kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda atas kemurahan hati dan sokongan yang tidak pernah putus.



QURBAN ANDA TELAH MEMBERI MANFAAT


562,040 PENERIMA

INFO

18–20kg daging
diagihkan
kepada sekitar
40 penerima

90–120kg daging
diagihkan
kepada sekitar
200 penerima


120–150kg
daging diagihkan
kepada sekitar
250 penerima



2,339 Ekor Lembu
467,800 Penerima



2,306 Ekor Kambing /Biri-biri
92,240 Penerima



8 Ekor Unta
2,000 Penerima



Jumlah Haiwan Qurban

4,653



Jumlah Dana Disalurkan

RM2,789,805.24



ASIA

INDIA
NEPAL
MYANMAR
BANGLADESH
SRI LANKA
AFGHANISTAN
KEMBOJA
INDONESIA (ACEH)
PAKISTAN

TIMUR TENGAH

YAMAN
LUBNAN
SYRIA
JORDAN (PELARIAN SYRIA DAN
PELARIAN PALESTIN)
IRAQ
PALESTIN (BAITULMAQDIS /
TEBING BARAT)

AFRIKA

MALAWI
UGANDA
D.R.CONGO
TANZANIA
MALI
ZAMBIA
MOZAMBIQUE
CAMEROON
GHANA
NIGER
GAMBIA
SENEGAL
CHAD
KENYA
SOMALIA
SOMALILAND

KEPENTINGAN IBADAH KORBAN



PROSES

Ibadah korban bukan hanya sekadar menunaikan sunnah, tetapi juga membantu menjana ekonomi para penternak serta menyampaikan daging berkhasiat kepada komuniti yang memerlukan.



SASARAN

Tahun ini, kami menyasarkan pelaksanaan korban di 33 buah negara merangkumi Asia, Timur Tengah dan Afrika, dengan fokus utama kepada anak yatim dan pelarian yang memerlukan.



MANFAAT

Melaksanakan sunnah Udhiyyah bukan sahaja membawa pahala yang besar di sisi Allah, tetapi juga menjadi tanda ketaatan dalam beribadah dan membantu mereka yang memerlukan.

PROSES KORBAN



1. PEMERIKSAAN

Beberapa hari sebelum Aidiladha, pasukan kami bersama rakan kerjasama melawat ladang tempatan untuk memeriksa haiwan. Hanya haiwan sihat dan cukup syarat sahaja dipilih untuk dikorbankan.



2. PENYEMBELIHAN DAN PEMBUNGKUSAN

Haiwan disembelih oleh individu yang berpengalaman dan layak, serta mematuhi garis panduan penyembelihan mengikut syariat Islam. Daging korban kemudian ditimbang dan dibungkus dalam pek 2-3kg untuk diagihkan kepada penerima manfaat.



3. PENGAGIHAN

Daging yang telah siap dibungkus akan dihantar ke kem dan kampung para penerima manfaat untuk diagihkan. Golongan penerima terdiri daripada asnaf, anak yatim, ibu tunggal, pelarian dan warga emas.



One Sacrifice,
Countless Blessings

LADESH

MANFAAT DARIPADA KORBAN ANDA

ASIA

Benua Asia dihuni oleh lebih 4.5 bilion penduduk, dan seramai 418 juta individu hidup dalam kemiskinan tegar serta terdedah kepada risiko kebuluran.

Tahun ini, korban anda telah disalurkan kepada komuniti memerlukan di beberapa negara Asia.

- Di India, lebih 307,600 penduduk Muslim di kawasan perkampungan Bihar menerima manfaat daripada agihan daging korban.
- Di Bangladesh, pelarian Rohingya turut disantuni melalui agihan daging korban, sedikit sebanyak meringankan beban kehidupan mereka yang serba kekurangan.
- Di Sri Lanka, komuniti Muslim minoriti turut menerima manfaat daripada agihan korban anda.

Inilah bukti bahawa ibadah korban anda bukan sekadar penyembelihan, tetapi satu bentuk harapan yang merentasi sempadan.

NEGARA	KAMBING LEMBU	
India	45	1,892
Nepal	9	62
Myanmar	47	3
Bangladesh (Pelarian Rohingya)	43	7
Sri Lanka	5	2
Afghanistan	25	11
Kemboja	5	5
Indonesia (Aceh)	5	7
Pakistan	5	3
Jumlah:	189	1,992



Korban di India



Korban di Nepal



Korban di Pakistan



Korban di Kemboja



Korban di Myanmar



Korban di Aceh, Indonesia

MANFAAT DARIPADA KORBAN ANDA


AFRIKA

21% daripada Afrika tidak mendapat bekalan makanan dan nutrisi yang mencukupi, dengan ramai yang terjejas akibat kebuluran melampau. Tahun ini sahaja, seramai 55 juta penduduk di Afrika Tengah dan Barat menghadapi krisis makanan yang kritikal.

Korban anda telah dilaksanakan dan diagihkan di 21 buah negara di benua Afrika, memberikan manfaat kepada golongan yang terjejas akibat kemiskinan dan kebuluran.

Di Malawi, para penerima manfaat berpeluang menikmati hidangan berprotein tinggi sempena Aidiladha sebagai salah satu sumber nutrisi penting dalam kehidupan seharian mereka.

NEGARA	KAMBING	LEMBU	UNTA
Malawi	797	8	
DR.Congo	27	10	
Tanzania	97	2	
Mali	97		
Uganda	129	63	
Mozambique	7	11	
Ghana	5	1	
Zambia	28		
Cameroon	7		
Niger	10	8	
Gambia	6	10	
Kenya	19		
Senegal	13	9	
Chad	11	9	
Somaliland	170	6	8
Somalia	70	41	
Jumlah:	1,493	178	8



Korban di Somaliland



Korban di Uganda




Korban di Somalia



Korban di Mali




Korban di Chad



Korban di Ghana



Korban di Zambia



Korban di Cameroon



Korban di Malawi



Korban di Mozambique



Korban di Niger



Korban di Gambia

MANFAAT DARIPADA KORBAN ANDA

TIMUR TENGAH

Negara-negara di Timur Tengah terus berhadapan dengan krisis makanan yang semakin meruncing akibat konflik berpanjangan dan ketidakstabilan sosioekonomi.

- Di Yaman, seramai 17.6 juta penduduk sedang berdepan kesukaran mendapatkan akses kepada nutrisi yang mencukupi.
- Di Syria, lebih 12.9 juta individu turut terjejas akibat kekurangan bekalan makanan, sekali gus menjejaskan kesihatan masyarakat secara menyeluruh.

Korban anda yang telah membolehkan bantuan disalurkan ke lima buah negara di Timur Tengah, membawa harapan kepada mereka yang terkesan akibat krisis yang berpanjangan.

NEGARA	KAMBING	LEMBU
Yaman	218	10
Syria	38	1
Jordan (Pelarian Syria/ Pelarian Palestin)	19	2
Lubnan	7	
Iraq	5	
Palestin (Al Quds - Jerusalem)	8	
Jumlah:	295	13



Korban di Iraq



Korban di Syria



Korban di Yaman



Korban di Jordan



Korban di Lubnan



Qurban di Palestin (Al-Quds)



Korban di Palestin



Korban di Palestin



Korban di Palestin

KORBAN UNTUK ANAK YATIM

Antara pakej korban tahun ini adalah khusus untuk anak-anak yatim di Indonesia dan Sri Lanka. Sempena Hari Raya Aidiladha, seramai 1,000 anak yatim telah menerima agihan daging korban segar hasil daripada sumbangan anda.

Pasukan Global Ehsan Relief dari Singapura, Malaysia dan Indonesia telah bekerjasama menyampaikan amanah ini. Kami turut berkunjung ke beberapa perkampungan di Aceh, termasuk Tangse, iaitu antara kampung termiskin yang didiami oleh petani dan buruh harian.

Korban anda bukan sahaja menyantuni anak-anak ini, malah memberi mereka peluang menikmati makanan berkhasiat yang amat jarang dinikmati dalam kehidupan seharian.

NEGARA	BAHAGIAN LEMBU	JUMLAH PENERIMA MANFAAT
Indonesia (Aceh)/Sri Lanka	33	800





KORBAN UNTUK PELARIAN

Lebih 120 juta penduduk dunia terpaksa memegang status pelarian akibat bencana alam dan konflik yang berpanjangan. Majoritinya hidup di bawah garis kemiskinan, tanpa kemampuan untuk menyediakan makanan yang mencukupi.

Inisiatif Korban untuk Pelarian digerakkan bagi menyampaikan bantuan daging korban kepada mereka yang amat memerlukannya, termasuk pelarian Syria di Turkiye, Lubnan dan Jordan, pelarian Yaman serta pelarian Rohingya di Bangladesh.

Seramai 1,180 pelarian telah menerima manfaat hasil daripada pelaksanaan ibadah korban anda.

(A) Syria + Yaman [2 Ekor Kambing Biri-biri]	Jumlah Haiwan	Jumlah Penerima Manfaat	(C) Gaza / Palestin Untuk Pelarian Gaza / Palestin [Daging Beku & Daging Dalam Tin]	Jumlah Haiwan	Jumlah Penerima Manfaat
	16 Ekor Kambing	640		2 Ekor Kambing	40
(B) Lubnan Untuk Pelarian Syria & Palestin [2 Ekor Kambing]	Jumlah Haiwan	Jumlah Penerima Manfaat	(D) Pelarian Rohingya Di Bangladesh [2 Ekor Kambing]	Jumlah Haiwan	Jumlah Penerima Manfaat
	2 Ekor Kambing	80		2 Ekor Kambing	320

Jumlah: 26 Ekor Kambing/Kambing Biri-biri 40 Ekor Lembu 1,080 Penerima Manfaat



Syria



Lubnan (Untuk Pelarian Syria & Palestin)



Gaza / Palestin



Bangladesh, Pelarian Rohingya

KORBAN SUNNAH NABI

"Barangsiapa menghidupkan sunnahku maka sesungguhnya dia telah mencintaiku. Dan barangsiapa mencintaiku, maka dia akan bersamaku di dalam syurga." Hadith Riwayat Tirmizi

Korban Sunnah Nabi merupakan inisiatif yang dijalankan untuk menghidupkan sunnah Nabi Muhammad S.A.W.

Amalan ini bukan sahaja mencontohi sunnah Rasulullah SAW, malah menjadi bukti kepatuhan dan ketakwaan seorang hamba kepada Allah SWT. Setiap titisan darah yang mengalir adalah saksi pengorbanan dan keikhlasan yang dijanjikan ganjaran besar oleh Allah.

Tahun ini, pakej ini telah memberi manfaat kepada penerima di 4 buah negara melalui agihan daging korban segar, selari dengan amalan korban yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai tanda keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.

KATEGORI	KAMBING	JUMLAH PENERIMA MANFAAT
Malawi + Tanzania (2 Kambing)	122	4,880
Bangladesh + Afghanistan (2 Kambing)	6	240
Jumlah:	128	5,120



Korban di Malawi



Korban di Bangladesh



Korban di Bangladesh



Korban di Afghanistan



Korban di Afghanistan



Korban di Tanzania

DAGING BEKU

Pakej Daging Beku disediakan untuk pelarian Syria dan Palestin di Jordan, Lubnan dan Syria, bagi memastikan mereka menerima bekalan daging berkualiti tinggi yang memenuhi keperluan nutrisi.

Inisiatif ini turut mengambil kira kekangan logistik, dengan langkah tersusun bagi memastikan penghantaran selamat dan agihan dapat dilakukan dengan lebih efisien, termasuk di kawasan berisiko.

NEGARA	KAMBING	JUMLAH PENERIMA MANFAAT	LEMBU	JUMLAH PENERIMA MANFAAT
Syria, Lubnan, Jordan (Pelarian Syria / Palestin)	35	1,400	8	1,600



KORBAN UNTUK GAZA

Korban untuk Gaza merupakan satu inisiatif menyediakan daging tin serta daging beku bagi memastikan kualiti kekal terpelihara dan tahan lebih lama.

Langkah ini diambil bagi mengatasi kekangan logistik serta memastikan agihan dapat dilakukan dengan selamat, khususnya ke kawasan berisiko tinggi. Daging tin yang dibungkus rapi ini mampu bertahan sehingga tiga bulan, menjadikannya pilihan ideal untuk penghantaran ke luar negara.

Sokongan anda sempena Hari Raya Aidiladha ini telah membawa manfaat besar buat saudara kita di Gaza yang sedang berdepan krisis berpanjangan.

KATEGORI	KAMBING	JUMLAH PENERIMA MANFAAT	LEMBU	JUMLAH PENERIMA MANFAAT
Dalam Tin Penghantaran 2-3 Bulan dari Australia ke Gaza (Tahan 4 tahun)	152	6,080	15	3,000
Beku Penghantaran 2-3 Bulan dari Australia ke Gaza	123	4,920	26	5,200
JUMLAH:	275	11,000	21	8,200





Dalam Tin (Dari Australia ke Gaza)



Daging Beku (Dari Australia ke Gaza)

KORBAN ISTIMEWA

Afrika merupakan antara benua yang paling terjejas akibat krisis kebuluran dunia. Lebih 800 juta penduduk di Afrika mengalami kekurangan makanan, dengan 1 daripada 5 individu berdepan kekurangan zat yang serius. Bagi menangani krisis ini, kami melancarkan promosi khas sempena musim korban tahun ini, menyasarkan 5 negara paling memerlukan di Afrika: Mali, Uganda, Zambia, Tanzania dan Republik Demokratik Congo.

Pakej ini bertujuan menyediakan daging korban berkhasiat untuk membantu meningkatkan keperluan nutrisi komuniti yang terjejas. Alhamdulillah, daging korban anda berjaya disalurkan ke kelima-lima negara ini, memberi harapan dan kelegaan kepada ribuan penerima manfaat.

5 Ekor Kambing (Mali, Uganda, Zambia dan Republik Demokratik Congo)	JUMLAH SET	JUMLAH PENERIMA MANFAAT
	40	1,600



Korban di Uganda



Korban di Mali



Korban di D.R.Congo



Korban di Zambia



Korban di Uganda



Korban di Mali



Korban di Zambia



Korban di Tanzania

KISAH PENERIMA DAGING KORBAN



MALAWI
ESMELOHES

Esmeloshes ialah seorang ibu kepada empat orang anak yang tinggal di perkampungan Ndejerem. Beliau menyara keluarganya dengan mengusahakan sebuah kedai kecil yang hanya memberikan keuntungan sekitar 50,000 Kwacha (RM125) sebulan. Suaminya tidak bekerja, dan mereka sekeluarga hanya bergantung kepada sayur-sayuran sebagai sumber makanan harian. Sudah terlalu lama mereka tidak menikmati daging sehinggakan mereka sendiri tidak lagi mengingati bila kali terakhir merasainya.

Daging korban yang diterima benar-benar membawa sinar kegembiraan kepada keluarga Esmeloshes, terutamanya buat anak-anaknya. Beliau terus memasak daging tersebut, dipanggang dan digoreng, kerana hidangan seperti ini sangat jarang dinikmati mereka. Esmeloshes amat berterima kasih kepada para penyumbang dari Malaysia dan Singapura atas hadiah berharga yang menceriakan hari raya mereka.

KISAH PENERIMA DAGING KORBAN



INDIA

RUBI KHATUN

Rubi Khatun, seorang suri rumah berusia 23 tahun, merupakan salah seorang penduduk di India yang terjerumus dalam kancas kemiskinan. Hidup di bawah paras garis kemiskinan, setiap hari beliau dibelenggu rasa bimbang dan gusar tentang bagaimana untuk menyediakan keperluan asas buat keluarganya.

Rubi kelihatan cukup emosi apabila berkongsi kisah hidupnya, tentang betapa sukarnya untuk meletakkan makanan di atas meja setiap hari. Suaminya bekerja sebagai petani di ladang, namun pendapatannya terlalu rendah dan hampir mustahil untuk menampung keperluan empat orang ahli keluarga.

Beliau meluahkan rasa syukur dan terima kasih atas sumbangan 5 kg daging yang diberikan oleh Global Ehsan Relief. Bagi Rubi dan keluarganya, daging ini bukan sekadar makanan. Ia merupakan satu bentuk kemewahan yang jarang dinikmati dan sumber nutrisi yang cukup untuk bertahan selama seminggu.

Segala bantuan ini menjadi realiti hasil keprihatinan insan-insan pemurah seperti anda. Sumbangan anda telah membawa cahaya harapan kepada keluarga seperti Rubi, yang akhirnya dapat menikmati hidangan berkhasiat bersama orang tersayang. Bagi Rubi, daging

KISAH PENERIMA DAGING KORBAN



ACEH

NAZARIAH

Nazariah, berusia 50 tahun, merupakan seorang ibu tunggal. Suaminya telah meninggal dunia semasa bekerja di ladang. Sejak pemergian suaminya, beliau memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan mencari rezeki dengan mengambil upah mencuci pakaian pengantin, walaupun sudah lima tahun menderita sakit kaki.

Anak sulungnya bekerja di pasar raya untuk membantu menyara keluarga, namun pendapatan mereka masih belum mencukupi bagi menampung keperluan harian. Nazariah juga menjual kuih-muih, tetapi hasil jualannya tidak menentu. Penerimaan daging korban sememangnya membawa kegembiraan buat beliau dan anak-anak. Dengan adanya daging tersebut, dapatlah beliau memasak rendang atau lauk masak merah, yang jarang sekali mereka nikmati. Bagi Nazariah, daging ini lambang keprihatinan yang membawa kegembiraan dan rasa dihargai saat diuji dengan kesusahan hidup.

Anak bongsunya yang berusia 13 tahun, Asma, merupakan seorang murid yang cintakan ilmu dan bercita-cita menjadi seorang ustazah serta hafizah. Walaupun dia gemar bermain softball, hatinya lebih tenang dan gembira apabila dapat membaca, belajar, dan menghafal al-Quran.

Surah kegemarannya adalah Surah Al-Inshirah kerana kesederhanaan dan keindahan maksudnya. Namun, Surah Al-Kafirun juga amat menyentuh hatinya kerana membawa mesej tentang kekuatan iman dan keteguhan dalam mempertahankan kepercayaan.



Sila layari media sosial kami untuk lihat lebih banyak gambar, dan tonton rakaman pasukan kami menguruskan ibadah korban anda di [YouTube rasmi Global Ehsan Relief](#).



Terima kasih atas amanah yang diberikan kepada kami untuk melaksanakan ibadah korban anda.

www.global-ehsan.relief.org.my
info@global-ehsan.relief.org.my
Langgani Newsletter GER



@globalehsanreliefmalaysia



© 2025 Global Ehsan Relief Malaysia. Hak cipta terpelihara.